

**Muhyiddin mahu dakwaan WSJ terhadap Najib disiasat**  
**The Malaysian Insider**  
**July 4, 2015**

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa agar pihak berkuasa melakukan penyiasatan segera terhadap dakwaan dan tuduhan yang dilemparkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Muhyiddin berkata, beliau turut yakin, agensi penguatkuasaan akan menjalankan penyiasatan mereka dengan adil.

"Saya berpendirian pihak berkuasa penyiasatan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara perlu bertindak segera untuk menyiasat segala tuduhan yang dibuat terhadap Najib.

"Saya yakin siasatan mengenai perkara ini akan dijalankan secara terperinci, telus dan bebas demi mencari kebenaran," katanya, dalam kenyataan dikeluarkan di laman Facebook miliknya hari ini.

Ahli Parlimen Pagoh itu berkata, tuduhan yang dikeluarkan akhbar The Wall Street Journal (WSJ) terhadap Najib amat berat.

"Tuduhan ini amatlah berat kerana ia boleh menjejaskan kredibiliti dan integriti Najib sebagai perdana menteri dan ketua kerajaan.

"Isu ini juga menarik perhatian rakyat serta media antarabangsa dan pastinya menyentuh kepentingan awam," katanya dalam kenyataan itu.

WSJ sebelum ini dalam laporannya mendakwa, Najib menerima sejumlah wang ke dalam akaun peribadinya daripada beberapa buah entiti yang dikatakan mempunyai hubungan dengan 1MDB beberapa bulan sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13).

Muhyiddin berkata, Najib juga wajar memberikan penjelasan meyakinkan ekoran dakwaan yang dikenakan terhadapnya adalah bersifat peribadi.

"Oleh kerana tuduhan ini adalah bersifat peribadi, maka adalah wajar bagi Najib untuk memberikan penjelasan yang meyakinkan atau membuat penafian.

"Sehubungan itu, saya menyambut baik kenyataan Najib yang menafikan tuduhan dilemparkan terhadap beliau," kata Muhyiddin.

Beliau berkata, sekiranya Najib yakin tuduhan yang dilemparkan terhadapnya adalah fitnah, perdana menteri itu wajar mengambil tindakan undang-undang.

"Sekiranya beliau yakin semua tuduhan itu adalah tidak benar dan fitnah semata-mata, maka adalah wajar beliau mengambil tindakan undang-undang ke atas

pihak-pihak yang membuat tuduhan demi membersihkan nama beliau dan mengembalikan kredibiliti kerajaan," katanya.

Muhyiddin juga menyeru agar semua pihak bertenang sementara siasatan masih dijalankan.

"Saya pasti kebenaran akan muncul hasil siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa," tambahnya.

"Saya berdoa mudah-mudahan di bulan Ramadhan Al-Mubarak ini, Allah SWT akan memberikan kita segala taufik dan hidayah untuk menyelesaikan segala kemelut yang berlaku dan mengurniakan kesejahteraan yang berkekalan kepada rakyat dan negara kita." – 4 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-gesa-najib-disiasat-selepas-pendedahan-wsj>